

04/04/1997

Perkenal panggilan cemas 911: PM

KUALA LUMPUR, Khamis - Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad mahu sistem komunikasi menyeluruh yang menghubungkan dunia luar ala Sistem 911, sebagai sebahagian sistem perubatan kecemasan, ditubuhkan segera di negara ini.

Sistem itu, kata Perdana Menteri, perlu diwujudkan secepat mungkin bagi membolehkan orang ramai menerima perkhidmatan penjagaan kesihatan untuk mendapatkan bantuan perubatan.

Malaysia merancang penubuhan rangkaian telekomunikasi kecemasan termasuk keupayaan teleperubatan dan telekecemasan. Melalui teleperubatan, nasihat pakar boleh disalurkan ke hospital di seluruh negara.

Menurutnya, penubuhan sekolah perubatan baru termasuk swasta, membolehkan antara 500 hingga 600 graduan doktor dikeluarkan menjelang tahun 2000 berbanding 400 hingga 500 ketika ini. Pertambahan itu sekaligus mengurangkan nisbah doktor dengan penduduk 1:2,400.

"Berikutan pertambahan hospital swasta, keperluan kakitangan paramedik turut meningkat. Oleh itu, kerajaan bercadang menubuhkan Institut Latihan Paramedik yang bukan sahaja melatih paramedik untuk hospital malah menyediakan kakitangan perkhidmatan prahospital yang cekap dan mahir," katanya.

Beliau berucap merasmikan Kongres Antarabangsa Pertama Asia mengenai Perubatan Kecemasan di sini hari ini. Turut hadir ialah Datin Seri Dr Siti Hasmah Mohd Ali dan Menteri Kesihatan, Datuk Chua Jui Meng. Seminar tiga hari itu dianjurkan oleh Persatuan Traumatologi dan Perubatan Kecemasan. Sempena seminar itu, pameran teknologi terkini perubatan kecemasan diadakan membabitkan lebih 100 syarikat tempatan dan antarabangsa.

Dr Mahathir juga berkata, polis, bomba dan anggota penyelamat lain digalakkan memainkan peranan sebagai petugas pertama yang bertindak kerana merekalah yang pertama tiba di sesuatu tempat kemalangan.

Bagi menjalankan peranan itu, mereka akan dilatih untuk menjalankan kerja-kerja penilaian awal dan prosedur sokongan hayat ketika sesuatu nahas.

Konsep petugas bertindak pertama telah diperkenalkan di Malaysia dengan orang perseorangan yang tidak mempunyai latihan khusus dalam menyediakan pengurusan kecemasan tetapi kerana tugas mereka sebagai yang orang pertama tiba di tempat kejadian.

"Kumpulan bertindak pertama seperti polis, bomba dan pasukan penyelamat akan diberi latihan kemahiran serta prosedur menyelamatkan mangsa kemalangan. Konsep ini diakui antarabangsa sebagai bahagian penting yang berkesan dalam keseluruhan sistem perubatan kecemasan," katanya.

Perdana Menteri berkata, sebagai persiapan menjadi tuan rumah Sukan Komanwel 1998, Unit Perubatan Sukan akan ditubuhkan yang memenuhi standard antarabangsa.

Menurutnya, peningkatan kes kematian kerana kemalangan jalan raya dan industri adalah kerugian besar kepada negara kerana ia membabitkan sebahagian besar warga muda berusia antara 20 hingga 40 tahun.

Malah, dalam tempoh 18 hari ketika musim perayaan Tahun Baru Cina dan Aidilfitri lalu, 641 pengguna jalan raya terbunuh, 565 parah dan 892 cedera ringan akibat kemalangan.

Menurutnya, berikutan perubahan kegiatan daripada pertanian kepada industri, analisis kemalangan di tempat kerja pada 1993 menunjukkan ia lima kali lebih tinggi berbanding Jepun, Sweden dan United Kingdom.

(END)

